

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

UTM.J.02.02/10.12/2 Jld. 5 (26)

19 Mac 2018
1 Rejab 1439

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 21/2018

GARIS PANDUAN PENULISAN SURAT RASMI UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sukacita dimaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 7/2018 yang telah diadakan pada 13 Mac 2018 telah meluluskan penguatkuasaan penggunaan Garis Panduan Penulisan Surat Rasmi Universiti Teknologi Malaysia yang juga telah dilancarkan pada Majlis Perhimpunan Bulanan Naib Canselor bertarikh 13 Disember 2017.


2. Garis Panduan Penulisan Surat Rasmi Universiti Teknologi Malaysia ini disediakan bertujuan sebagai rujukan dan panduan utama kepada seluruh warga Universiti dalam menghasilkan sepucuk surat rasmi. Garis panduan ini merupakan adaptasi daripada pekeling-pekeling perkhidmatan kerajaan yang berkaitan, garis panduan oleh pihak Arkib Negara Malaysia, Dewan Bahasa dan Pustaka, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pendidikan Tinggi dan Jabatan Perdana Menteri.

3. Sehubungan dengan itu, seluruh warga Universiti adalah diminta untuk mengambil maklum berkenaan pemakaian garis panduan ini dan mendapatkan maklumat lanjut daripada Garis Panduan Penulisan Surat Rasmi Universiti Teknologi Malaysia secara atas talian menerusi pautan <http://kl.utm.my/pendaftar/penerbitan-ppkl>. Pekeliling Pentadbiran ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

“Berkhidmat untuk Negara kerana Allah”

Yang benar,



(DATO' WAN MOHD. ZAWAWI BIN WAN ABD. RAHMAN)
Pendaftar

...2/-

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)
 - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)
 - Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)
 - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)
 - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur)
 - Pengarah Pusat Penyelidikan - Kampus Pagoh
 - Pegawai-pegawai Kanan/Dekan/Pengarah